



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|--|----|
| - Kami Takkam Lupa Sejarah Hitam Ini | 18 |
| - ADUN Pertahan Tindakan Rumah Di Paya Jaras | 18 |

KOSMO

- | | |
|--|----|
| - Terpaksa Roboh Rumah Untuk Elak Banjir | 8 |
| - MPSJ santuni golongan kurang mampu | 37 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	ADUN Pertahan Tindakan Rumah Di Paya Jaras
Muka Surat	18

UTM 20/09/19 m/s 18

Surat terbuka penduduk Kampung Paya Jaras Hilir untuk MB Selangor

'Kami takkan lupa sejarah hitam ini'

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 19 SEPT.

KECEWA nasib mereka tidak dipedulikan, jauh sekali untuk dikasihani kerajaan negeri Selangor, pen-

duduk Paya Jaras Hilir yang rumah mereka dirobohkan semalam mengemukakan surat terbuka kepada Menteri Besar Amirudin Shari.

Selain Amirudin, surat luahan hati penduduk itu juga ditujukan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras Mohd. Khairuddin Othman yang mereka dakwa lepas tangan dalam isu tersebut.

Berikut adalah surat terbuka yang dimuat naik melalui Facebook Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk Paya Jaras Hilir, Azroy Abdul Manaf:



PENDUDUK Kampung Paya Jaras Hilir di Sungai Buloh, Selangor yang rumah mereka dirobohkan terpaksa tinggal di dalam khemah. - GAMBAR/IHSAN PAS PAYA JARAS

Surat terbuka buat Datuk Menteri Besar Selangor dan ADUN Paya Jaras serta pesanan khas seluruh warga Paya Jaras Hilir yang terjejas dengan Projek Pelebaran Sungai Kedondong.

Apa yang kami minta tidak banyak dan tidak di luar kemampuan. Cuma sekadar penangguhan hingga hujung tahun ini untuk penduduk semua bersedia dan menyiapkan segala urusan hingga mereka dapat rumah sewa serta segala persiapan yang sepatutnya demi kesesuaian anak-anak untuk menduduki peperiksaan.

Tapi Datuk Menteri Besar dan YB (Mohd. Khairuddin) selaku ADUN kami tidak langsung menyebelahi penduduk malah menindas kami sebagai rakyat dan anak jati Selangor.

Kami akan ingat hari ini dan detik ini. Kami akan bukukan sejarah hari ini sebagai sejarah hitam dalam

hidup kami sewaktu era kepimpinan Dato' Menteri Besar dan YB sekarang.
Sewaktu Dato' Menteri Besar dan YB lena tidur di rumah berkatilkan tilam empuk, ingatlah ada rakyat Dato' Menteri Besar dan YB yang bakal merempat tiada tempat tinggal dengan terpaksa tidur berlantai tanah, bertilamkan hamparan kertas di negeri Selangor yang maju ini.

Pemimpin yang sepatutnya membantu kami sedang selesa dan berdiam diri ini, pasti akan kami cari di akhirat kelak.

Kami akan sampaikan dan ingatkan tragedi ini kepada anak-anak supaya mereka tidak tersalah pilih pemimpin di lain hari.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	ADUN Pertahan Tindakan Rumah Di Paya Jaras
Muka Surat	18

um 20/09/19 m/s 18

ADUN pertahan tindakan roboh rumah di Paya Jaras

SHAH ALAM 19 Sept. - Ketika namanya menjadi tumpuan kerana didakwa lepas tangan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras Mohd. Khairuddin Othman tampil mempertahankan diri dan tindakan kerajaan negeri Selangor, malah menyatakan penduduk Paya Jaras Hilir yang rumah mereka dirobohkan semalam.

Exco Kerajaan Negeri Selangor itu berkata kedegilan penduduk yang enggan mematuhi notis pengosongan tanah telah menyebabkan mereka kehilangan tempat tinggal kerana dewanya 92 unit rumah di kawasan itu dibina di atas rizab sungai.

"Pelaksanaan perobohan itu sebenarnya telah dirancang sejak 2008 dan penduduk terlibat telah menerima notis pertama sejak 2015.

"Walau bagaimanapun, pihak saya pada waktu itu membanah perobohan berkenaan memandangkan penduduk terlibat tidak mendapat tawaran Rumah Selangorku sebagai pampasan," katanya sewaktu dihubungi di sini hari ini.

Semalam pihak berkuasa bertindak meroboh sebahagian daripada rumah penduduk Paya



KHAIRUDDIN OTHMAN



SEBUAH jentolak merobohkan rumah-rumah penduduk Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh, Selangor yang terletak di dalam kawasan rezab sungai semalam.

Jaras Hilir, selepas permintaan mereka agar proses itu ditangguhkan hingga akhir tahun ini sekurang-kurangnya tidak dilayan kerajaan negeri.

Mengulas lanjut, Mohd. Khairuddin berkata, permintaan penduduk tidak dapat dipenuhi kerana tapak kediaman mereka terlibat dengan pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedondong.

"Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedondong meru-

pakan projek infrastruktur bernilai RM5.93 juta dibiayai kerajaan negeri. Projek ini bertujuan menangani masalah banjir kronik di kawasan Petaling Jaya.

"Komponen utama projek ialah menaik taraf Sungai Kedondong dengan projek telah bermula sejak 2 Disember 2015 dan sepatusnya siap pada 31 Mei 2017, tetapi tidak berlaku mengikut jadual disebabkan ada isu dengan penduduk," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Terpaksa Roboh Rumah Untuk Elak Banjir
Muka Surat	8

KOSMO 20/09/19 mis 8
Terpaksa roboh rumah untuk elak banjir

SHAH ALAM – Kerja-kerja merobohkan rumah yang didirikan di atas tanah rizab kerajaan negeri berhampiran Sungai Kedondong di Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh dekat sini dibuat bagi membolehkan projek tebatan banjir di kawasan itu yang tertangguh sejak tahun 2015 dilaksanakan.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, projek itu tidak dapat dilaksanakan akibat permohonan penangguhan oleh penduduk yang membina rumah di tapak tanah projek itu.

“Ini menyebabkan banjir sering melanda kawasan sekitar dan menjelaskan kehidupan ribuan masyarakat yang tinggal di sana,” katanya selepas merasmikan Akademi Kepimpinan Wanita Selangor di sini semalam.

Menurut Amirudin, sepanjang diberi penangguhan, penduduk terlibat telah beberapa kali diberi notis untuk mengosongkan



JENTOLAK digunakan untuk merobohkan rumah-rumah penduduk Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh kerana status pembinaan rumah tersebut di atas tanah rezab sungai.

rumah mereka selain ditawarkan kediaman lain.

“Kita telah memenuhi permintaan penduduk terlibat untuk tangguh projek sejak tahun 2015

hingga kini namun kerajaan negeri juga ada kekanganannya, malah perlu menanggung kos kira-kira RM2 juta sebulan atas penangguhan projek ini,” ujarnya. – Bernama



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)**

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	MPSJ santuni golongan kurang mampu
Muka Surat	37



SEBAHAGIAN penerima menerima sumbangan wang tunai pada Majlis Penyampaian Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar MPSJ di Subang Jaya baru-baru ini.

MPSJ santuni golongan kurang mampu

SUMBANGAN. Seramai 360 penerima dipilih menerima sumbangan wang tunai RM200 pada Majlis Penyampaian Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2019 anjuran MPSJ di

Dewan Serbaguna MPSJ USJ 7, Subang Jaya baru-baru ini. Ia merupakan usaha murni MPSJ untuk membantu golongan kurang berkemampuan selaras dengan Konsep Kemasyarakatan Setempat bagi memastikan

pengagihan bantuan dibuat secara terus kepada penerima yang layak.

MPSJ turut menyediakan barang keperluan asas seperti makanan dan pakaian secara percuma. Program ini mendapat kerjasama Eco Free

Market.

Pihak MPSJ turut menyediakan peluang kepada peserta untuk mengikuti kelas-kelas kemahiran seperti jahitan dan kraftangan, kulinari dan masakan serta tanaman hidroponik.